

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 MAY 2016

Saya sudah jangka Dr M tikam belakang BN: Najib

BH-19/5/2016

➔ Bekas PM, keluarga terima pelbagai manfaat ketika pegang tampuk tertinggi negara

Daripada A Jalil Hamid

✦ London

Datuk Seri Najib Razak mempersoalkan kewajaran Tun Dr Mahathir Mohamad 'menikam dari belakang' parti yang banyak berjasa kepada dirinya, keluarga dan negara selama ini.

Mengulas kenyataan Dr Mahathir yang meminta pengundi menolak Barisan Nasional (BN) dan UMNO pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar bulan depan, Perdana Menteri mengingatkan Dr Mahathir bahawa UMNO membolehkannya memegang tampuk kuasa selama 22 tahun.

"Barisan Nasional adalah parti yang banyak membela rakyat, manakala Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri kerana BN dan UMNO.

"Beliau dan keluarga menerima pelbagai manfaat ketika menjadi Perdana Menteri dan semuanya disebabkan kekuatan UMNO dan BN.

"Justeru, apabila beliau meminta pengundi menolak parti yang banyak berjasa, pelbagai maklum balas negatif diberi ter-

hadap pendiriannya itu kerana Dr Mahathir tidak mungkin menjadi PM tanpa UMNO dan BN.

Pendirian Dr M tak adil

"Ramai mengatakan pendirian (Dr Mahathir) itu tidak adil kerana seorang yang mengenang budi tidak mungkin menolak parti yang banyak membantunya sebagai individu dan negara secara amnya.

"Segala perubahan terhadap negara kita, pembangunan, kestabilan politik dan kejayaan adalah hasil sumbangan BN serta UMNO selaku tonggak BN.

"Oleh itu, adakah adil untuk kita menikam parti dari belakang?" katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Ditanya sama ada beliau kecewa dengan kenyataan Dr Mahathir itu, Najib berkata: "Saya menjangkanya. Saya fikir rakyat kini lebih mengetahui sikapnya."

Hujung minggu lalu, Dr Mahathir dalam nada mirip ketua pembangkang, meminta parti pembangkang bersatu bagi menewaskan BN di dua PRK berkenaan pada 18 Jun ini.

"Matlamat utama menewaskan BN ialah untuk menun-

jukkan kepada Najib bahawa rakyat tidak lagi menyokongnya," katanya pada perhimpunan 'Selamatkan Malaysia' yang dihadiri kira-kira 300 orang itu.

Najib berkata, BN giat mengenal pasti calon terbaik bagi kedua-dua PRK.

Proses kenal pasti calon

"Kita dalam proses mengenal pasti calon sesuai. Kita perlu melihat dari segala aspek supaya calon yang dipilih diterima oleh pengundi," katanya.

Najib yang juga Pengerusi BN dan Presiden UMNO berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, dipertanggungjawab membuat persediaan bagi menghadapi PRK berkenaan.

Dalam isu berasingan, Perdana Menteri berkata, masih terlalu awal untuk memikirkan mengenai penstrukturan Kabinet.

"Saya belum memikirkannya. Bagaimanapun, sudah tentu akan berlaku perubahan di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi termasuk di peringkat Ketua Setiausaha," katanya ketika ditanya sama ada akan berlaku rombakan Kabinet besar-besaran.